



BULETIN SUHAKAM

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Edisi Januari - Mac 2023 Bil 1/2023 *ISSN 1823-3392* Percuma



MAJLIS PELANCARAN LAPORAN KAJIAN SUHAKAM 'Human Rights and Statelessness In Peninsular Malaysia' muka surat 20 - 21



Pertandingan Melukis Kartun bertemakan
“Pendidikan untuk Semua”

muka surat 4 - 5



Pameran “Hak Udara Bersih : Menangani
Pencemaran Udara di Malaysia”

muka surat 23

SIDANG REDAKSI

Penerbit :

Bahagian
Penerbitan dan
Pengurusan Maklumat
(SUHAKAM)

Penasihat
Altaf Deviyati
Setiausaha

Syamsul Azhar Zamani
Ketua Penolong
Setiausaha

Editor
Muhammad Syafiq Ikhwan
Ghazali
Penolong Setiausaha

Pereka Grafik
Nur Naillah Mohd Sani
Pembantu Tadbir

Dicetak oleh
Reka Cetak Sdn. Bhd.

No. 12 & 14,
Jalan Jemuju Empat 16/13D,
Seksyen 16, 40200, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.



© Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Sebarang terbitan semula perlulah mendapat keizinan daripada SUHAKAM atau pengakuan sumber dibuat. SUHAKAM tidak akan bertanggungjawab akibat menyalin dan menyiarkan semula tanpa keizinan.



04 - 05	<ul style="list-style-type: none"> Pertandingan Melukis Kartun bertemakan "Pendidikan untuk Semua"
06	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Jamuan Tengah Hari Meraikan Peguam yang Mewakili SUHAKAM di Mahkamah
07	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Pengurus SUHAKAM Menghadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara Mesyuarat bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
08	<ul style="list-style-type: none"> Perbincangan Bersama Jabatan Agama Islam Sarawak Lawatan OCC ke Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM)
09	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan Kerja Anggota Suruhanjaya Sesi 2022 - 2025 ke atas Ketua Polis Negara
10	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan Hormat Anggota Suruhanjaya kepada Ketua Pegawai Eksekutif Razak School of Goverment' (RSOG) Perjumpaan Anggota Suruhanjaya bersama Yang di-Pertua Dewan Rakyat Dato' Johari Abdul Tentang Agenda Perbaikan Laporan Tahunan di Parlimen
11	<ul style="list-style-type: none"> Ceramah Piawaian Hak Asasi Manusia Dalam Aspek Penguatkuasaan
12	<ul style="list-style-type: none"> Perbincangan Mengenai Isu Pendidikan bagi Kanak-kanak Tanpa Dokumen Lawatan Pemantauan ke Taman Didikan Kanak-kanak Kurang Upaya (TDKKU) Sembulan, Sabah
13	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan Hormat daripada Association for The Prevention of Torture (APT) Sudut Hak Asasi Manusia (HR Corner) di Perpustakaan Awam Sungai Petani, Kedah
14	<ul style="list-style-type: none"> Persidangan Antarabangsa Mengenai Perubahan Iklim dan Hak Asasi Manusia SUHAKAM Sabah : Perbincangan Bersama Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah
15	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Dialog Bersama Pekerja Ekonomi Gig E-Panggilan dan P-Panggilan : Isu dan Cabaran Semasa
16	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel "Training of Trainers" Modul Hak Asasi Manusia Untuk PDRM
17	<ul style="list-style-type: none"> Pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak : Dr. Farah Nini Dusuki
18	<ul style="list-style-type: none"> SUHAKAM Sabah : Lawatan Pejabat SUHAKAM Sabah ke Ulu Sungai Lemos, Keningau, Sabah Bengkel SUHAKAM dan Hak Asasi Manusia di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM, Sintok, Kedah
19	<ul style="list-style-type: none"> Pameran SUHAKAM di UiTM Dengkil bersempena Program Contemporary Global and Legal Issue Exhibition 2023
20 - 21	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM 'Human Rights and Statelessness In Peninsular Malaysia'
22	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Tahunan Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) 2023 di Geneva, Switzerland
23	<ul style="list-style-type: none"> SUHAKAM SABAH : Perkhidmatan Komuniti Bergerak (Mobile Community Services) di Kampung Kirokot, Apin-Apin, Keningau, Sabah Pameran "Hak Udara Bersih : Menangani Pencemaran Udara di Malaysia"

KANDUNGAN

PERTANDINGAN MELUKIS KARTUN BERTEMAKAN "PENDIDIKAN UNTUK SEMUA"



SUHAKAM mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang Pertandingan Melukis Kartun bertemakan "Pendidikan Untuk Semua".

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas penyertaan semua peserta yang menjayakan pertandingan ini. Semoga dengan penganjuran pertandingan ini dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat mengenai hak kepada pendidikan menerusi mesej yang disampaikan menerusi seni lukisan kartun.

PEMENANG HADIAH UTAMA




CITA-CITA
Zahra Mohamad Zaki




PENDIDIKAN UNTUK SEMUA
Mohd Saffiq Fitri

KATEGORI DEWASA



KEGEMILANGAN UNTUK SEMUA
Ahmad Fidaa' Ahmad Fadhli



SEKOLAHKU BAHAGIA
Damia Wafiyya Mohd Irwadi

KATEGORI KANAK-KANAK



11 JANUARI 2023

MAJLIS JAMUAN TENGAH HARI MERAIKAN PEGUAM YANG MEWAKILI SUHAKAM DI MAHKAMAH

SUHAKAM telah menganjurkan majlis makan tengah hari bersama barisan peguam yang pernah mewakili Suruhanjaya dalam *watching brief/amicus curiae* di Mahkamah seluruh Malaysia. Anggota Suruhanjaya bagi sesi 2022-2025 juga telah diperkenalkan semasa majlis tersebut. Untuk rekod, SUHAKAM telah terlibat secara aktif di mahkamah melalui peguam pemerhati dalam kes yang melibatkan pelbagai isu hak asasi manusia sejak 2011. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas khidmat bakti barisan peguam yang pernah mewakili SUHAKAM selama ini.





Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menerima menghadap Penggerusi (SUHAKAM), Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad di Istana Negara bagi membincangkan pelbagai isu semasa berkaitan hak asasi manusia.



16 JANUARI 2023

MESYUARAT BERSAMA INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)

Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah menghadiri mesyuarat bersama pihak IPGM. Mesyuarat yang diadakan di ibu pejabat IPGM, Cyberjaya tersebut telah dipengerusi oleh Dr. Rosli Yaacob, Timbalan Rektor Kanan IPGM. Antara objektif mesyuarat tersebut ialah bagi membincangkan gerak pelan kerja bagi pembangunan dan pelaksanaan Modul Asasi Manusia untuk Pendidik.



PERBINCANGAN BERSAMA JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

Pejabat SUHAKAM Sarawak telah mengadakan perbincangan bersama Jabatan Agama Islam Sarawak bersama pengadu dalam menangani isu perkahwinan pasangan bertaraf warganegara dan bukan warganegara. Perbincangan ini merupakan salah satu usaha SUHAKAM dalam menangani masalah pendaftaran perkahwinan yang tidak didaftarkan.

19 JANUARI 2023



Delegasi Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) yang diketuai oleh Prof. Dato' Nor Aziah Mohd Awal telah mengadakan lawatan ke Persatuan Sindrom Down Malaysia (PSDM), sebuah Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan Masyarakat Peringkat Kebangsaan yang menjaga kebajikan kanak-kanak serta individu Sindrom Down di Malaysia. OCC mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian PSDM menerima kunjungan dan memberi penerangan mengenai Sindrom Down dan berkongsi maklumat berkenaan aktiviti yang dijalankan untuk kanak-kanak Sindrom Down di Malaysia.

LAWATAN OCC KE PERSATUAN SINDROM DOWN MALAYSIA (PSDM)

KUNJUNGAN KERJA ANGGOTA SURUHANJAYA SESI 2022 - 2025 KE ATAS KETUA POLIS NEGARA



SUHAKAM telah mengadakan kunjungan kerja ke atas Ketua Polis Negara bagi sesi 2022 – 2025. Kunjungan kerja ini diadakan bagi membincangkan perkara-perkara terkini dan hala tuju perjuangan hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, kunjungan tersebut turut memperkenalkan Anggota Suruhanjaya yang baharu kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).



26 JANUARI 2023



KUNJUNGAN HORMAT ANGGOTA SURUHANJAYA KEPADА KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF RAZAK SCHOOL OF GOVERNMENT (RSOG)



27 JANUARI 2023

PERJUMPAAN ANGGOTA SURUHANJAYA BERSAMA YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT DATO' JOHARI ABDUL TENTANG AGENDA PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN DI PARLIMEN





30 JANUARI 2023

CERAMAH PIAWAIAN HAK ASASI MANUSIA DALAM ASPEK PENGUATKUASAAN

Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah mengendalikan sesi ceramah berkenaan Piawaian Hak Asasi Manusia dalam Aspek Penguatkuasaan kepada Konstabel Pelatih di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. Sesi ceramah tersebut telah dihadiri oleh seramai 493 Konstabel Pelatih PDRM. Antara objektif ceramah tersebut adalah bagi meningkatkan kefahaman para pelatih mengenai hak asasi manusia dengan harapan mereka akan sentiasa mengaplikasikan prinsip-prinsip hak asasi manusia apabila menjalankan tugas kelak.

2 FEBRUARI 2023

LAWATAN PEMANTAUAN KE TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK KURANG UPAYA (TDKKU) SEMBULAN, SABAH



1 FEBRUARI 2023

PERBINCANGAN MENGENAI ISU PENDIDIKAN BAGI KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN

Satu perbincangan berhubung isu hak kanak-kanak tanpa dokumen kepada pendidikan telah diadakan antara Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) dan Pejabat SUHAKAM Sabah bersama sebuah Badan Bukan Kerajaan iaitu Alternative Learning Centre Coalition (ALC).

Selain itu, SUHAKAM turut mendapatkan maklumat lanjut mengenai fungsi dan peranan ALC di Sabah, di samping meninjau peluang kerjasama pada masa hadapan bagi program kesedaran yang berkaitan.



OCC bersama Pejabat SUHAKAM Sabah telah melaksanakan lawatan pemantauan ke Taman Didikan Kanak-kanak Kurang Upaya (TDKKU) Sembulan, Sabah yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah. Terdapat lima (5) buah TDKKU di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Tawau dan Beaufort.

Antara syarat kemasukan kanak-kanak ke TDKKU ialah kanak-kanak kurang upaya berdaftar dengan JKM (mempunyai kad OKU), berumur 14 tahun ke bawah dan warganegara Malaysia. TDKKU memfokus kepada pemulihan, penjagaan dan perlindungan kanak-kanak kurang upaya.

8 FEBRUARI 2023

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA ASSOCIATION FOR THE PREVENTION OF TORTURE (APT)



Delegasi APT diketuai oleh Timbalan Setiausaha Agung APT, Audrey Olivier Murlat, bersama Pegawai APT serantau dari Thailand, Nid Sajitpanon dan Manachaya Yankittikul.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan kolaborasi yang berpotensi dijalankan antara kedua-dua pihak dalam pembangunan kapasiti SUHAKAM mengenai Prinsip Mendez, dan kesinambungan hubungan kerjasama di bawah #SafeinCustody, sebuah projek APT yang bertujuan untuk menggalakkan amalan terbaik dalam pengendalian tahanan oleh pihak penguatkuasa di Malaysia.

13 FEBRUARI 2023

SUDUT HAK ASASI MANUSIA (HR CORNER) DI PERPUSTAKAAN AWAM SUNGAI PETANI, KEDAH

Pewujudan sudut tersebut membolehkan pengunjung Perpustakaan Awam Sungai Petani, Kedah mendapat informasi lebih lanjut berkenaan hak asasi manusia dan SUHAKAM.





21 - 22 FEBRUARI 2023

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PERUBAHAN IKLIM DAN HAK ASASI MANUSIA

Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Kebangsaan Qatar (NHRC) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Perubahan Iklim dan Hak Asasi Manusia. SUHAKAM yang diwakili Pesuruhjaya YM. Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid telah membentangkan kertas kerja mengenai "Peranan SUHAKAM sebagai NHRI dalam Mendukung Ekuiti, Solidariti dan Kerjasama untuk Tindakan Iklim yang Berpaksikan Manusia".



24 FEBRUARI 2023

PERBINCANGAN BERSAMA SETIAUSAHA HAL EHWAL DALAM NEGERI & PENYELIDIKAN, JABATAN KETAU MENTERI NEGERI SABAH

Pejabat SUHAKAM Sabah yang diketuai Pesuruhjaya Datuk Hajah Mariati Robert telah mengadakan perbincangan bersama YBhg. Datuk Ag Shahminan bin Ag Sahari, Setiausaha Hal Ehwal Dalam Negeri & Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah. Perbincangan ini diadakan bagi memahami dasar dan hala tuju Kerajaan Negeri dalam isu ketakbernegaraan yang menjadi salah satu isu utama berkaitan hak asasi manusia di Negeri Sabah.

SESI DIALOG BERSAMA PEKERJA EKONOMI GIG E-PANGGILAN DAN P-PANGGILAN : ISU DAN CABARAN SEMASA



1 MAC 2023



Selaras perkembangan sektor ekonomi gig di Malaysia, SUHAKAM telah menganjurkan 'Sesi Dialog bersama Pekerja dan Persatuan Pekerja Ekonomi Gig melibatkan E-Panggilan dan P-Panggilan: Isu dan Cabaran Semasa' yang bertempat di Pejabat SUHAKAM, Kuala Lumpur. Objektif sesi ini diadakan adalah untuk mengumpul input mengenai cabaran dan isu yang dihadapi oleh pekerja ekonomi gig di negara kita.



BENGKEL "TRAINING OF TRAINERS" MODUL HAK ASASI MANUSIA UNTUK PDRM



Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) SUHAKAM dengan kerjasama Bahagian Latihan PDRM, Bukit Aman telah menganjurkan Bengkel "Training of Trainers" (ToT) Modul Hak Asasi Manusia untuk PDRM di Century Pines Resort, Cameron Highland, Pahang. Bengkel yang dirasmikan oleh Pesuruhjaya Datuk Mohamad Nordin Ibrahim ini telah dihadiri oleh 30 peserta yang terdiri daripada tenaga pengajar di pusat-pusat latihan, maktab dan jabatan dari PDRM. Objektif utama ToT ini diadakan adalah bagi memantapkan pengetahuan hak asasi manusia para tenaga pengajar dan membantu mereka memahami isi kandungan Modul Hak Asasi Manusia untuk PDRM yang akan digunakan dalam latihan para pelatih PDRM kelak.



TAHNIAH

Dr. Farah Nini Dusuki

atas pelantikan sebagai



PESURUJAYA KANAK-KANAK
2023-2025

Pensyarah Kanan di Fakulti Undang-undang, di Universiti Malaya sejak Disember 2007

Mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang hak asasi manusia dan undang-undang berhubung kanak-kanak

Pernah berkhidmat di Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia selama 15 tahun

Memperolehi PhD. dari Universiti Cardiff, Wales, United Kingdom pada 2002 dengan tesis yang menganalisa permasalahan sosio-perundangan bagi melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan pengabaian



Bidang-bidang kajian beliau merangkumi perundangan mengenai jenayah (*criminal justice*), undang-undang kanak-kanak (*child law*), perlindungan remaja dalam isu kesihatan reproduktif seksual serta pelaksanaan dan penguatkuasaan hak kanak-kanak di Malaysia



8 MAC 2023

BENGKEL SUHAKAM DAN HAK ASASI MANUSIA DI PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIYAH, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, SINTOK, KEDAH

Seiring dengan perwujudan Sudut Hak Asasi Manusia di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM) oleh SUHAKAM, bengkel ini telah diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada kakitangan perpustakaan tersebut khususnya mengenai fungsi dan peranan SUHAKAM sebagai badan yang memperjuangkan hak asasi manusia di Malaysia.



8 MAC 2023

LAWATAN PEJABAT SUHAKAM SABAH KE ULU SUNGAI LOMOS, KENINGAU, SABAH

Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengadakan lawatan ke Ulu Sungai Lemos, Keningau sehubungan aduan yang diterima berkaitan isu permohonan tanah adat oleh penduduk kampung tersebut. Tujuan lawatan tersebut ialah bagi melihat struktur-struktur kependudukan lama, kawasan pertanian dan tanaman yang telah penduduk kampung usahakan.




11 MAC 2023



PAMERAN SUHAKAM DI UiTM DENGKIL BERSEMPENA PROGRAM CONTEMPORARY GLOBAL AND LEGAL ISSUES EXHIBITION 2023

Bahagian Media dan Promosi (MPD) telah dijemput untuk membuka reruai pameran di UiTM Dengkil bersempena Program Contemporary Global and Legal Issues Exhibition 2023. Edaran risalah tentang hak asasi manusia dan pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program berlangsung. Para pengunjung yang menyertai kuiz celik hak asasi manusia turut diberikan cenderahati menarik. Secara keseluruhannya, reruai pameran SUHAKAM mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung.





Majlis Pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM bertajuk 'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia' telah diadakan pada 13 Mac 2023 secara hibrid, di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur. Seramai 225 peserta telah menghadiri majlis tersebut; 71 hadir secara bersemuka manakala 154 hadir secara dalam talian. Peserta yang hadir termasuklah agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat civil, pertubuhan antarabangsa, ahli akademik, ahli parti politik, ahli parlimen dan individu.

YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah memberikan ucapan khas beliau menerusi satu rakaman klip video, manakala YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah menyampaikan ucaptama secara dalam talian. Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, selaku Naib Pengerusi SUHAKAM pula telah menyampaikan ucapan alu-aluan. Majlis pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Abdul Aziz Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), BHEUU.

13 MAC 2023



Prof. Madya Dr. Melati Nungsari dan Cik Nicole Fong, penyelidik Kajian telah membentangkan hasil dapatan utama Laporan Kajian di majlis tersebut.

Sebagai pelengkap majlis tersebut, satu panel diskusi bertajuk 'Ending Statelessness in Malaysia: Critical Role of Policy and Law Reform and Way Forward' turut diadakan dengan barisan ahli panel berwibawa iaitu Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj. Shad Saleem Faruqi, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Cik Jasmine Wong dan Cik Maalini Ramalo bagi mengupas isu-isu kewarganegaraan di Malaysia. Sesi panel dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tuan Ragunath Kesavan.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan isu tanpa kewarganegaraan masih berlaku di Malaysia. Antaranya termasuklah kewujudan jurang dalam undang-undang kewarganegaraan, isu pentadbiran atau prosedur dalam mendapatkan dokumen pengenalan diri, perkahwinan ibu bapa yang tidak didaftarkan, tiada bukti atau dokumen kelahiran anak, dan kekurangan kesedaran tentang kepentingan pendaftaran kelahiran.

MAJLIS PELANCARAN LAPORAN KAJIAN SUHAKAM

'HUMAN RIGHTS AND STATELESSNESS IN PENINSULAR MALAYSIA'



MESUARAT TAHUNAN PAKATAN GLOBAL BAGI INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (GANHRI) 2023 YANG DIADAKAN DI GENEVA, SWITZERLAND.

SUHAKAM yang diketuai oleh Pengurus Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad bersama Pesuruhjaya Datuk Hajah Mariati Robert dan diiringi oleh beberapa orang pegawai menghadiri dan menyertai Mesyuarat Tahunan Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) 2023 yang diadakan di Geneva, Switzerland.

Mesyuarat terbahagi kepada Perhimpunan Agung, sesi perkongsian mengenai "Penyiksaan dan Layanan Buruk yang lain: Peranan NHRI" dan Persidangan Tahunan bagi meraikan 75 tahun Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan 30 Tahun Prinsip Paris.



STATUS 'A' ANUGERAH AKREDITASI (SCA)

Semasa Mesyuarat Tahunan GANHRI 2023, SUHAKAM telah dianugerahkan sijil selepas menjalani proses temuduga Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) pada tahun 2021 dan diakreditasi semula dengan Status 'A'.

Status 'A' ini menandakan bahawa SUHAKAM mematuhi sepenuhnya Prinsip Paris dan merupakan penanda aras bahawa SUHAKAM beroperasi secara bebas tanpa sebarang pengaruh atau campur tangan daripada pihak lain.

MESUARAT SAMPINGAN ANTARA SUHAKAM, NIRMS, OHCHR DAN APP

Mesyuarat sampingan antara SUHAKAM dan Bahagian Institusi Kebangsaan dan Serantau (NIRMS), Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia (OHCHR) dan Urusetia Forum Asia Pasifik NHRIs (APF) turut diadakan semasa kunjungan kerja delegasi SUHAKAM ke Geneva, Switzerland.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan peluang dalam meningkatkan kapasiti, memberikan sokongan ke arah penubuhan NHRI baharu dan kerjasama pada masa hadapan dalam bidang tematik yang lain seperti perubahan iklim, pekerja migran dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan juga melalui mekanisme PBB.





Pejabat SUHAKAM Sabah telah menyertai Perkhidmatan Komuniti Bergerak (*Mobile Community Services*) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah yang bertempat di Kampung Kirokot, Apin-Apin, Keningau. Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengadakan sesi perkongsian mengenai hak asasi manusia bersama Ketua-ketua Kampung dan wakil-wakil Ketua Anak Negeri. Pada masa yang sama, perkhidmatan kaunter aduan dan nasihat secara terus di lapangan turut disediakan kepada para pengunjung.

18 MAC 2023

PERKHIDMATAN KOMUNITI BERGERAK(MOBILE COMMUNITY SERVICES) DI KAMPUNG KIROKOT, APIN-APIN, KENINGAU, SABAH

18 MAC 2023

PAMERAN "HAK UDARA BERSIH : MENANGANI PENCEMARAN UDARA DI MALAYSIA"



SUHAKAM melalui Bahagian Media dan Promosi (MPD) telah membuka reruai pameran bersempena forum bertajuk "Hak Udara Bersih: Menangani Pencemaran Udara di Malaysia" dalam program Jelajah Asia Tenggara (*Rainbow Warrior*) Di Malaysia 2023 anjuran Greenpeace Malaysia bertempat di Sunway Pier, Pelabuhan Klang Selatan, Selangor. SUHAKAM amat berbesar hati menerima kunjungan KDYMM Tengku Hassanal Ibrahim Al-Mustafa Billah Shah ke reruai pameran SUHAKAM.





SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Ikuti kami di platform media sosial



ADUAN

Aduan boleh dihantar kepada SUHAKAM secara individu / berkumpulan melalui telefon, faks, e-mel dan sistem aduan SUHAKAM: <http://aduan.suhakam.org.my/eApps/system/index.do>

Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Tel : 03-26125600
Fax : 03-26155620
e-mel : humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8,
Tun Jugah Tower, Jalan Tunku Abdul Rahman,
93100, Kuching, Sarawak
Tel : 082-234650
Fax : 082-254937
e-mel : sarawak@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite W1 & E1, Tingkat 8, CPS Tower,
No. 1 Jalan Centre Point,
88000, Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-317405
Fax : 088-317406
e-mel : sabah@suhakam.org.my